



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERAL TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

DUITNOW QR

Effective 28 January 2023 / Berkuat kuasa 28 Januari 2023

IMPORTANT NOTICE:		NOTIS PENTING:	
CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.		PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.	
A	GENERAL TERMS AND CONDITIONS	A	TERMA DAN SYARAT AM
1.0	INTRODUCTION	1.0	PENGENALAN
1.1	These Terms and Conditions shall apply to and regulate your use of the DuitNow QR service offered by Bank Islam. The DuitNow QR service allows you to transfer funds from your Be U QSA to a Merchant's or Recipient's Account by scanning the Merchant or Recipient's QR Code.	1.1	Terma dan Syarat ini akan terpakai dan mengawal selia penggunaan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> yang ditawarkan oleh Bank Islam. Perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> membolehkan anda untuk memindahkan dana daripada Be U QSA ke Akaun Pedagang atau Penerima dengan mengimbas Kod QR Pedagang atau Penerima.
1.2	The DuitNow QR service offered by us is part of the Be U service. Accordingly, these Terms and Conditions shall be read together with: a) Be U by Bank Islam Digital Banking Application Terms & Conditions; b) Be U Qard Savings Account-i Terms and Conditions; and c) Be U DuitNow Transfer Terms and Conditions.	1.2	Perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> yang ditawarkan oleh kami adalah sebahagian daripada perkhidmatan Be U. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan: a) Terma & Syarat Aplikasi Perbankan Digital Be U by Bank Islam; b) Terma dan Syarat Akaun Simpanan-i Qard Be U; dan c) Terma dan Syarat Be U <i>DuitNow Transfer</i> .
1.3	The Customer consent to the collection, use and disclosure of the Customer's personal data (including contact details) by Bank Islam including its affiliates, service providers and the DuitNow QR Operator as required for the purposes of the DuitNow QR service.	1.3	Pelanggan bersetuju kepada pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (termasuk butiran hubungan) oleh Bank Islam termasuk ahli gabungan, pembekal perkhidmatan Bank Islam dan Pengendali <i>DuitNow QR</i> sepertimana yang diperlukan untuk tujuan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> .
2.0	GENERAL	2.0	UMUM
2.1	In these DuitNow QR Terms and Conditions (" Terms and Conditions "), references to "you" and "your" refers to Customer who is utilising Be U DuitNow QR service and has an account opened with Be U and reference to "we", "our", "ours" and "us" refers to Bank Islam. Where there is a conflict between these Terms and Conditions with other applicable terms and conditions, these Terms and Conditions shall prevail to the extent of such inconsistency. If you choose NOT to accept these Terms and Conditions, please do not proceed to use the DuitNow QR service.	2.1	Dalam Terma dan Syarat <i>DuitNow QR</i> ini (" Terma dan Syarat "), rujukan kepada "anda" merujuk kepada Pelanggan yang menggunakan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> Be U dan mempunyai akaun yang dibuka dengan Be U dan apa-apa rujukan kepada "kami" merujuk kepada Bank Islam. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat lain yang terpakai, Terma dan Syarat ini akan mengatasi setakat mana percanggahan tersebut berlaku. Jika anda memilih untuk TIDAK menerima Terma dan Syarat ini, sila berhenti menggunakan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> .



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



GENERAL TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT AM

3.0	DEFINITION	3.0	DEFINISI
	<p>"Account" means:</p> <p>a) an E-money account offered by issuers of E-money approved by Bank Negara Malaysia; and</p> <p>b) all types of deposit accounts offered by banks, including all types of:</p> <p>(i) conventional and/or Islamic savings accounts;</p> <p>(ii) current accounts;</p> <p>(iii) investment accounts;</p> <p>(iv) virtual internet accounts; and/or</p> <p>(v) line of credit accounts tied to payment cards,</p> <p>except for fixed deposit accounts;</p>		<p>"Akaun" bermaksud:</p> <p>a) akaun <i>E-money</i> yang ditawarkan oleh pengeluar <i>E-money</i> yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia; dan</p> <p>b) semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh bank, termasuk segala:</p> <p>(i) akaun simpanan konvensional dan/atau Islam;</p> <p>(ii) akaun semasa;</p> <p>(iii) akaun pelaburan;</p> <p>(iv) akaun internet maya; dan/atau</p> <p>(v) pinjaman akaun kredit yang terikat dengan kad pembayaran,</p> <p>kecuali bagi akaun simpanan tetap;</p>
	<p>"Bank Islam" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944 (98127-X)) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur;</p>		<p>"Bank Islam" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944 (98127-X)) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Aras 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur;</p>
	<p>"Be U" means Be U by Bank Islam digital banking application;</p>		<p>"Be U" bermaksud aplikasi perbankan digital <i>Be U by Bank Islam</i>;</p>
	<p>"Be U Qard Savings Account-i" or "Be U QSA" means savings account offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Qard via Be U;</p>		<p>"Akaun Simpanan-i Qard Be U" atau "Be U QSA" bermaksud akaun simpanan yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan kontrak Syariah Qard melalui Be U;</p>
	<p>"Business Day" means a day (not being a Saturday, Sunday or public holiday) on which financial institutions are open for business in Kuala Lumpur, Malaysia;</p>		<p>"Hari Bekerja" bermaksud hari (selain hari Sabtu, Ahad atau cuti umum) di mana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia;</p>
	<p>"Customer" means Be U customer using DuitNow QR service;</p>		<p>"Pelanggan" bermaksud pelanggan Be U yang menggunakan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i>;</p>
	<p>"Dynamic QR" means a QR Code that is generated on-demand and usually has an expiry. Dynamic QR generally requires the Merchant or Recipient to either key-in the amount of the payment or credit transfer manually or automatically;</p>		<p>"QR Dinamik" bermaksud Kod QR yang dijana atas permintaan dan biasanya mempunyai tamat tempoh sah. QR Dinamik secara amnya memerlukan Pedagang atau Penerima untuk memasukkan amaun pembayaran atau pindahan kredit secara manual atau automatik;</p>
	<p>"E-money" means a payment instrument that stores funds electronically in exchange for funds paid to the issuer of e-money and is able to be used as a mean of making payment to any person other than the issuer of e-money;</p>		<p>"E-money" bermaksud instrumen pembayaran yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran kepada dana yang dibayar kepada pengeluar <i>E-money</i> dan boleh digunakan sebagai medium pembayaran kepada mana-mana orang selain daripada pengeluar <i>E-money</i>;</p>
	<p>"Merchant" means individuals, businesses including sole proprietors, partnerships and companies registered with the Companies Commission of Malaysia, government agencies, statutory bodies, societies, or other similar entities (as applicable) providing goods and services;</p>		<p>"Pedagang" bermaksud individu, perniagaan termasuk pemilik tunggal, perkongsian dan syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan, atau entiti lain yang serupa (yang berkenaan) yang menyediakan barangan dan perkhidmatan;</p>
	<p>"DuitNow QR" means a service which allows Customer to make payments and receive funds by scanning the QR Code which complies with DuitNow National QR standard;</p>		<p>"DuitNow QR" bermaksud perkhidmatan yang membolehkan Pelanggan membuat bayaran dan menerima dana dengan mengimbas Kod QR yang mematuhi piawaian Nasional <i>DuitNow QR</i>;</p>



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERAL TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

	" DuitNow QR Operator " means Payments Network Malaysia Sdn Bhd (Company No.: 200801035403 (836743-D));		" Pengendali DuitNow QR " bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D));
	" Recipient " means an individual who receives funds via the DuitNow QR service;		" Penerima " bermaksud individu yang menerima dana melalui perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> ;
	" Static QR " means a QR Code that is pre-generated for display and usually has no expiry. Static QR generally requires the Customer to key-in the amount of the payment or credit transfer; and		" QR Statik " bermaksud Kod QR yang dijana terlebih dahulu untuk paparan dan biasanya tidak mempunyai tamat tempoh sah. QR Statik secara amnya memerlukan Pelanggan untuk memasukkan jumlah bayaran atau pindahan kredit; dan
	" QR Code " means a two-dimensional (2D) barcode that can be read using the camera of a smartphone or mobile device that is equipped with QR reader.		" Kod QR " bermaksud kod bar dua dimensi (2D) yang boleh dibaca menggunakan kamera telefon pintar atau peranti mudah alih yang dilengkapi dengan pembaca QR.
4.0	DUITNOW QR SERVICE	4.0	PERKHIDMATAN DUITNOW QR
4.1	The Customer may use the DuitNow QR service to effect any transfer of funds, retail transactions or payments for goods and services.	4.1	Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> untuk melaksanakan sebarang pemindahan dana, transaksi runcit atau pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan.
4.2	If you wish to send funds via DuitNow QR, you must first download and install Be U on your mobile device and open a Be U Qard Saving Account-i. This is to enable deduction of funds for payments made via DuitNow QR. Be U enables you to scan a Static QR Code or a Dynamic QR Code displayed by the Merchant or Recipient, on a mobile device.	4.2	Jika anda ingin memindahkan dana melalui <i>DuitNow QR</i> , anda hendaklah memuat turun dan melancarkan Be U pada peranti mudah alih anda terlebih dahulu dan membuka Akaun Simpanan-i Qard Be U. Ini adalah untuk membolehkan pemotongan dana bayaran yang dibuat melalui <i>DuitNow QR</i> . Be U membolehkan anda untuk mengimbas Kod QR Statik atau Kod QR Dinamik yang dipaparkan oleh Pedagang atau Penerima, pada peranti mudah alih.
4.3	You are responsible to ensure that the transaction amount keyed-in or displayed on your Be U screen and Merchant or Recipient's name is correct prior to confirming the transaction. Upon your confirmation of the transaction, the transaction amount keyed-in or displayed at the Merchant or Recipient's QR Code screen (if any) shall be accepted by Bank Islam to be the correct amount of transaction. Bank Islam shall not be under any obligation whatsoever to verify that the amount paid by the Customer matches with the amount charged by the Merchant or Recipient.	4.3	Anda bertanggungjawab untuk memastikan jumlah transaksi yang dimasukkan atau dipaparkan pada skrin Be U anda dan nama Pedagang atau Penerima adalah betul sebelum mengesahkan sesuatu transaksi. Selepas anda mengesahkan transaksi, jumlah transaksi yang dimasukkan atau dipaparkan pada skrin Kod QR Pedagang atau Penerima (jika ada) akan diterima oleh Bank Islam sebagai jumlah transaksi yang betul. Bank Islam tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan amaun yang dibayar oleh Pelanggan adalah sepadan dengan jumlah yang dicaj oleh Pedagang atau Penerima.
4.4	We will notify you on the status of each successful, failed or rejected DuitNow QR transaction via Be U.	4.4	Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai status setiap transaksi <i>DuitNow QR</i> sama ada transaksi tersebut berjaya, gagal atau ditolak melalui Be U.
4.5	The Customer shall be responsible to take the necessary steps to verify and confirm the identity of the Merchant or Recipient. Customer is advised to review and confirm the details of the transaction before proceeding with any payment. Once a DuitNow QR transaction is confirmed, Customer will not be able to cancel, stop or perform any changes to that DuitNow QR transaction. Bank Islam shall not be under any obligation whatsoever to verify or seek any other confirmation from any party as to whether such Merchant or Recipient is the intended party to receive the funds. Bank Islam shall not be liable for transferring the funds to such Merchant or Recipient even if such person is not the intended party.	4.5	Pelanggan bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengesahkan identiti Pedagang atau Penerima. Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak dan mengesahkan butiran transaksi sebelum meneruskan sebarang pembayaran. Sejak sahaja transaksi <i>DuitNow QR</i> disahkan, Pelanggan tidak boleh membatalkan, menghentikan atau melakukan sebarang perubahan pada transaksi <i>DuitNow QR</i> tersebut. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan atau mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pihak lain sama ada Pedagang atau Penerima tersebut adalah pihak yang dimaksudkan untuk menerima dana tersebut. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab untuk memindahkan dana tersebut kepada Pedagang atau Penerima terlibat walaupun



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERAL TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

			Pedagang atau Penerima tersebut bukan pihak yang dimaksudkan.
4.6	Bank Islam has the right to stop any transactions effected at non-halal Merchants. Further information on the categories of non-halal Merchants can be found in Frequently Asked Questions (FAQs) in Be U or Be U's website at https://getbeu.com/frequently-asked-questions/index.html .	4.6	Bank Islam berhak untuk menghentikan sebarang transaksi yang dilakukan kepada Pedagang yang tidak halal. Maklumat lanjut berkenaan kategori Pedagang yang tidak halal boleh didapati di dalam Soalan Lazim dalam Be U atau laman sesawang Be U di https://getbeu.com/frequently-asked-questions/index.html .
4.7	Customer should use the DuitNow QR responsibly, including not using the DuitNow QR for unlawful activity and shall follow the Shariah Principles.	4.7	Pelanggan hendaklah menggunakan <i>DuitNow QR</i> secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan <i>DuitNow QR</i> untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang dan hendaklah sentiasa mematuhi Prinsip Syariah.
5.0	RECOVERY OF FUNDS	5.0	PEMULANGAN DANA
5.1	The Customer has the rights in relation to the investigation and recovery of funds for any mistaken payments, erroneous payments and unauthorised or fraudulent DuitNow QR transactions made from the Customer's Be U QSA. For any mistaken payments or erroneous payments, Customer is advised to firstly resolve any issues arising from the disputed amount directly with the affected Merchant or Recipient for settlement.	5.1	Pelanggan mempunyai hak berkaitan sebarang siasatan dan pemulangan dana bagi sebarang bayaran yang tersilap, bayaran yang tersalah dan transaksi yang tidak dibenarkan atau penipuan yang dibuat melalui <i>DuitNow QR</i> daripada Be U QSA Pelanggan. Untuk sebarang pembayaran yang tersilap atau tersalah, Pelanggan dinasihatkan untuk menyelesaikan dahulu sebarang isu yang timbul daripada jumlah yang dipertikaikan secara terus dengan Pedagang atau Penerima yang terlibat.
5.2	If Customer wish to make any queries, lodge a report or complaint including relating to unauthorised or fraudulent DuitNow QR transaction, Customer may contact Bank Islam at: Be U Community Support Telephone: 03 2779 0088 Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my	5.2	Jika Pelanggan ingin membuat sebarang pertanyaan, membuat laporan atau aduan termasuk berkaitan dengan transaksi <i>DuitNow QR</i> yang tidak dibenarkan atau akibat penipuan atau pemalsuan transaksi, Pelanggan boleh menghubungi Bank Islam di: <i>Be U Community Support</i> Telephone: 03 2779 0088 Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my
6.0	ERRONEOUS/MISTAKEN DUITNOW QR TRANSACTION	6.0	KESALAHAN/KESILAPAN TRANSAKSI DUITNOW QR
6.1	Subject to Clause 5.1, if Customer has made an erroneous DuitNow QR transaction, Customer may request for recovery of the funds (" Recovery Request "). If the Recovery Request is made within ten (10) Business Days from the date of erroneous transaction, Bank Islam will work with the affected Merchant or Recipient's bank for the Customer's recovery of funds within seven (7) Business Days from the date of the Recovery Request provided the following conditions are met: a) The funds were actually wrongly credited into the affected Merchant's or Recipient's Account; b) If funds have been wrongly credited: i) if the balances in the affected Merchant or Recipient's Account is sufficient to cover the recovery amount, the erroneously credited funds may be recoverable; or ii) if the balances in the affected Merchant or Recipient's Account is not sufficient to cover the recovery amount, the erroneously credited funds may not be fully recoverable.	6.1	Tertakluk kepada Klausula 5.1, jika Pelanggan telah membuat transaksi <i>DuitNow QR</i> yang salah, Pelanggan boleh membuat permohonan bagi pemulangan dana (" Pemohonan Pemulangan "). Sekiranya Permohonan Pemulangan dibuat dalam tempoh sepuluh (10) Hari Bekerja dari tarikh transaksi <i>DuitNow QR</i> yang salah dibuat, Bank Islam akan bekerjasama dengan pihak Pedagang atau Bank Penerima untuk pemulangan dana Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) Hari Bekerja dari tarikh Permohonan Pemulangan tertakluk kepada syarat syarat berikut: a) Dana telah dikreditkan secara salah ke dalam Akaun Pedagang atau Penerima yang terlibat; b) Jika dana telah dikreditkan secara salah: i) jika baki dalam Akaun Pedagang atau Penerima terlibat mencukupi untuk menampung jumlah pemulangan dana, dana yang dikreditkan secara salah tersebut mungkin boleh diperolehi semula; atau ii) jika baki dalam Akaun Pedagang atau Penerima terlibat tidak mencukupi untuk menampung jumlah pemulangan dana, dana yang dikreditkan secara



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERAL TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

			salah tersebut mungkin tidak boleh dipulangkan sepenuhnya.
6.2	<p>Subject to Clause 5.1, In the event the Recovery Request is made after ten (10) Business Days and within seven (7) months from the date of the erroneous transaction was made, the funds may be returned to the Customer, PROVIDED ALWAYS THAT:</p> <p>a) the affected Merchant or Recipient's bank is fully satisfied that funds were erroneously credited to the affected Merchant or Recipient;</p> <p>b) the affected Merchant's or Recipient's bank must notify the affected Merchant or Recipient in writing regarding the Recovery Request ("Recovery Request Notification") whereby the erroneously credited funds would be recovered by debiting the affected Merchant's or Recipients' Account within ten (10) Business Days of the Recovery Request Notification, unless the affected Merchant or Recipient dispute the Recovery Request and provides reasonable evidences that the affected Merchant or Recipient is entitled to the funds; and</p> <p>c) after fifteen (15) Business Days from the Merchant or Recipient's dispute of the Recovery Request under Clause 6.2(b) above, if the affected Merchant or Recipient fails to establish their entitlement to the funds, the affected Merchant's or Recipient's bank shall debit the affected Merchant's or Recipient's Account and remit the funds back to the Customer.</p>	6.2	<p>Tertakluk kepada Klausu 5.1, sekiranya Permohonan Pemulangan dibuat selepas sepuluh (10) Hari Bekerja dan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh transaksi yang salah dibuat, dana tersebut boleh dipulangkan kepada Pelanggan, TERTAKLUK KEPADA:</p> <p>a) pihak bank Pedagang atau Penerima yang terlibat berpuas hati bahawa terdapat kesilapan pada dana yang telah dikreditkan kepada Pedagang atau Penerima yang terlibat;</p> <p>b) pihak bank Pedagang atau Penerima yang terlibat hendaklah memberi notis kepada Pedagang atau Penerima yang terlibat secara bertulis mengenai Permohonan Pemulangan tersebut ("Notis Permohonan Pemulangan") dimana dana yang dikreditkan secara salah akan dipulangkan dengan mendebitkan Akaun Pedagang atau Penerima terlibat dalam tempoh sepuluh (10) Hari Bekerja dari Notis Permohonan Pemulangan, melainkan Pedagang atau Penerima yang terlibat mempertikaikan Permohonan Pemulangan tersebut dan memberikan bukti yang munasabah bahawa Pedagang atau Penerima yang terlibat adalah berhak keatas dana tersebut; dan</p> <p>c) selepas lima belas (15) Hari Bekerja dari tarikh pertikaian Pedagang atau Penerima terhadap Permohonan Pemulangan di bawah Klausu 6.2(b) di atas, jika Pedagang atau Penerima yang terlibat gagal membuktikan bahawa mereka mempunyai hak keatas dana tersebut, pihak bank Pedagang atau Penerima yang terjejas akan mendebitkan Akaun Pedagang atau Penerima yang terlibat dan memulangkan semula dana tersebut kepada Pelanggan.</p>
6.3	<p>Subject to Clause 5.1, in the event the Recovery Request is made after (7) months from the date of the erroneous transaction, the funds may be returned to the Customer, PROVIDED ALWAYS THAT:</p> <p>a) the affected Merchant's or Recipient's bank is fully satisfied that funds were erroneously credited to the affected Merchant or Recipient;</p> <p>b) within ten (10) Business Days from the Merchant's or Recipient's bank's receipt of the Recovery Request, the affected Merchant or Recipient's bank shall obtain consent from the affected Merchant or Recipient to debit the funds from the Merchant or Recipient's Account; and</p> <p>c) once consent is obtained, the affected Merchant's or Recipient's bank shall debit the affected Merchant's or Recipient's Account and remit the funds back to the Customer within one (1) Business Day.</p>	6.3	<p>Tertakluk kepada Klausu 5.1, sekiranya Permohonan Pemulangan dibuat selepas (7) bulan dari tarikh berlakunya transaksi salah, dana tersebut boleh dipulangkan kepada Pelanggan, TERTAKLUK KEPADA:</p> <p>a) pihak bank Pedagang atau Penerima yang terlibat berpuas hati bahawa terdapat kesilapan dalam dana yang telah dikreditkan kepada Pedagang atau Penerima yang terlibat;</p> <p>b) dalam tempoh sepuluh (10) Hari Bekerja dari penerimaan Permohonan Pemulangan oleh pihak bank Pedagang atau Penerima yang terlibat, pihak bank Pedagang atau Peniaga yang terlibat perlu mendapatkan kebenaran daripada Pedagang atau Penerima yang terlibat untuk mendebit dana tersebut dari Akaun Pedagang atau Penerima; dan</p> <p>c) setelah kebenaran diperolehi, pihak bank Pedagang atau Penerima yang terlibat hendaklah mendebit Akaun Pedagang atau Penerima dan memulangkan semula dana tersebut kepada Pelanggan dalam tempoh satu (1) Hari Bekerja.</p>
7.0	UNAUTHORISED OR FRAUDULENT DUITNOW QR TRANSACTION	7.0	TRANSAKSI DUITNOW QR TANPA KEBENARAN ATAU PENIPUAN



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERAL TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

7.1	<p>For DuitNow QR transaction which was not authorised by the Customer or which is fraudulent, Bank Islam upon receiving a report from the Customer via Be U or via Be U Community Support team, alleging that an unauthorised or fraudulent DuitNow QR transaction was made, may remit the funds back to the Customer PROVIDED the following conditions are met:</p> <p>a) Bank Islam shall conduct an investigation and determine within fourteen (14) calendar days, if the unauthorised or fraudulent payment did occur; and</p> <p>b) If Bank Islam is satisfied that the unauthorised or fraudulent payment instruction did indeed occur and was not caused by the Customer, Bank Islam will initiate a reversal process whereby all debit posted to the Customer's Be U QSA arising from the unauthorised or fraudulent payment instruction from DuitNow QR would be reversed.</p>	7.1	<p>Untuk transaksi <i>DuitNow QR</i> yang tidak dibenarkan oleh Pelanggan atau yang mempunyai unsur penipuan, setelah Bank Islam menerima laporan daripada anda melalui Be U atau melalui <i>Be U Community Support</i>, mendakwa bahawa terdapat transaksi <i>DuitNow QR</i> yang tidak dibenarkan atau penipuan telah berlaku, Bank Islam boleh memulangkan semula dana kepada Pelanggan TERTAKLUK kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>a) Bank Islam perlu menjalankan siasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar, jika pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan itu berlaku; dan</p> <p>b) Jika Bank Islam berpuas hati bahawa arahan pembayaran yang tidak dibenarkan atau penipuan itu memang berlaku dan bukan disebabkan oleh pihak Pelanggan, Bank Islam akan memulakan proses pemulangan dana di mana semua dana yang didebitkan daripada Be U QSA Pelanggan disebabkan oleh arahan pembayaran yang tidak dibenarkan atau penipuan daripada transaksi <i>DuitNow QR</i> tersebut akan dipulangkan.</p>
8.0	LIABILITY AND INDEMNITY	8.0	LIABILITI DAN INDEMNITI
8.1	<p>The Customer acknowledge and agree that, unless expressly prohibited by applicable laws, Bank Islam and the DuitNow QR Operator shall not be liable to you or any third party for any losses, liabilities, costs, damages, claims, actions or proceedings of any kind whatsoever in connection with the DuitNow QR service offered by Bank Islam arising from:</p> <p>a) Customer's negligence, misconduct or breach of any of these Terms and Conditions;</p> <p>b) Insufficient funds in Customer's Be U QSA for Bank Islam and/or the DuitNow QR Operator to process the DuitNow QR transaction;</p> <p>c) Customer has exceeded its daily transfer limit;</p> <p>d) Any payment instruction given or purported to be given by the Customer;</p> <p>e) Any erroneous transfer of funds by the Customer, including any transfer of funds to the wrong Merchant, Recipient or third party; or</p> <p>f) The suspension, termination or discontinuance by Bank Islam or DuitNow QR Operator.</p>	8.1	<p>Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa, Bank Islam dan Pengendali <i>DuitNow QR</i> tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga untuk sebarang kerugian, liabiliti, kos, kerosakan, tuntutan, tindakan atau prosiding dalam apa jua bentuk sekalipun berkaitan dengan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> yang ditawarkan oleh Bank Islam yang timbul, daripada:</p> <p>a) Kecuaian, salah laku atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan;</p> <p>b) Dana yang tidak mencukupi dalam Be U QSA Pelanggan untuk Bank Islam dan/atau Pengendali <i>DuitNow QR</i> memproses transaksi <i>DuitNow QR</i>;</p> <p>c) Pelanggan telah melebihi had pemindahan harian;</p> <p>d) Sebarang arahan pembayaran yang diberikan atau kononnya diberikan oleh Pelanggan;</p> <p>e) Sebarang pemindahan dana yang salah oleh Pelanggan, termasuk sebarang pemindahan dana kepada Pedagang, Penerima atau pihak ketiga; atau</p> <p>f) Penggantungan, penamatan atau pemberhentian oleh Bank Islam atau Pengendali <i>DuitNow QR</i>.</p>
8.2	<p>The Customer shall indemnify Bank Islam, its employees, agents, sub-contractor, service providers and the DuitNow QR Operator from and against any loss or damage arising from any act, omission or negligence of the Customer for any breach of these Terms and Conditions.</p>	8.2	<p>Pelanggan hendaklah menanggung rugi terhadap Bank Islam, pekerja, ejen, sub-kontraktor, penyedia perkhidmatan dan Pengendali <i>DuitNow QR</i> daripada dan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada sebarang tindakan, pengabaian atau kecuaiian oleh Pelanggan bagi sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini.</p>
9.0	VARIATIONS OF TERMS AND CONDITIONS	9.0	VARIASI TERMA DAN SYARAT
9.1	<p>Subject to compliance with Shariah's rules and principles, Bank Islam shall be entitled to:</p> <p>a) to vary, amend, suspend or restrict these Terms and Conditions; or</p>	9.1	<p>Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, Bank Islam berhak untuk:</p> <p>a) mengubah, meminda, menggantung atau menyekat Terma dan Syarat ini; atau</p>



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



GENERAL TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT AM

	<p>b) at anytime revise the charges for the use of the DuitNow QR;</p> <p>by providing thirty (30) days written notice to the Customer. Revision of charges in Clause 9.1(b) shall take effect from the date stated in the notice and Customer's continued usage of the DuitNow QR shall be subjected to such revised charges.</p>		<p>b) pada bila-bila masa menyemak semula caj bagi penggunaan <i>DuitNow QR</i>;</p> <p>dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Pelanggan. Semakan caj dalam Klausa 9.1(b) akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut dan penggunaan berterusan <i>DuitNow QR</i> oleh Pelanggan akan tertakluk kepada caj yang disemak semula tersebut.</p>
9.2	<p>The Customer will be required to read, understand and acknowledge the revised Terms and Conditions before continuing to use the DuitNow QR service. If at any point of time the Customer does not understand, the Customer may discuss further by contacting Be U Community Support team at beu.communitysupport@bankislam.com.my or call us at 03-27790088 before acknowledging the revised Terms and Conditions.</p> <p>If the Customer do not agree with the revised Terms and Conditions, please stop using the DuitNow QR service Immediately.</p>	9.2	<p>Pelanggan dikehendaki untuk membaca, memahami dan mengakui Terma dan Syarat baru sebelum meneruskan penggunaan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i>. Sekiranya pada bila-bila masa Pelanggan tidak memahami Terma dan Syarat ini, Pelanggan boleh berbincang dengan lebih lanjut dengan menghubungi <i>Be U Community Support</i> di beu.communitysupport@bankislam.com.my atau hubungi kami di 03-27790088 sebelum mengakui Terma dan Syarat tersebut.</p> <p>Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat yang baru, sila berhenti menggunakan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> dengan serta-merta.</p>
9.3	<p>The Customer acknowledge that Bank Islam may terminate the Customer's use of the DuitNow QR service with Bank Islam for any reason with prior notice.</p>	9.3	<p>Pelanggan mengakui bahawa Bank Islam boleh menamatkan penggunaan perkhidmatan <i>DuitNow QR</i> oleh Pelanggan dengan Bank Islam atas sebarang sebab dengan memberikan notis terlebih dahulu.</p>
10.0	QUERIES OR COMPLAINT	10.0	PERTANYAAN ATAU ADUAN
10.1	<p>If Customer wish to give feedbacks, complaints, suggestions regarding DuitNow QR, Be U and our services or lodge any dispute, Customer can submit the 'Contact Us' form through Be U. Alternatively, Customer can reach Bank Islam through the following:</p> <p>Be U Community Support Telephone: 03 2779 0088 Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my</p>	10.1	<p>Jika Pelanggan ingin memberi sebarang maklum balas, membuat aduan atau mengemukakan sebarang cadangan terhadap <i>DuitNow QR</i>, Be U atau servis kami atau melaporkan sebarang pertikaian, Pelanggan boleh menghubungi Bank Islam dengan mengisi borang '<i>Contact Us</i>' melalui Be U. Secara alternatif, Pelanggan juga boleh menghubungi Bank Islam melalui maklumat tertera di bawah:</p> <p><i>Be U Community Support</i> Telefon: 03 2779 0088 Emel: beu.communitysupport@bankislam.com.my</p>
10.2	<p>Customer may contact Bank Negara Malaysia LINK or BNM TELELINK (as below) if Customer's query or complaint is not satisfactorily resolved by Bank Islam:</p> <p>a) via telephone : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) b) via fax : 03-2174 1515 c) via eLink web form : telelink.bnm.gov.my d) via letter : BNMTELELINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur</p>	10.2	<p>Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK (seperti di bawah) jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan oleh Bank Islam dengan memuaskan:</p> <p>a) melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) b) melalui fax : 03-2174 1515 c) melalui borang eLINK : telelink.bnm.gov.my d) melalui surat : BNMTELELINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur</p>
11.0	GOVERNING LAW	11.0	UNDANG-UNDANG
11.1	<p>These Terms and Conditions shall be governed by the laws of Malaysia.</p>	11.1	<p>Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang di Malaysia.</p>